

CALTEX STARCARD (SYARIKAT)

SOALAN LAZIM

MENGENAI CALTEX STARCARD (SYARIKAT)

Mengapa saya memerlukan StarCard?

StarCard membantu mengurangkan kos operasi sambil menguruskan kenderaan syarikat anda dengan keselamatan, perlindungan dan kemudahan tambahan yang lebih baik. Dengan pelan StarCard Kredit, pemandu tidak lagi perlu membayar wang tunai pendahuluan di stesen, dan boleh mendapatkan sehingga 30 hari tempoh kredit. Ia sesuai dengan semua organisasi perniagaan yang mencari kad fleet bahan api.

Apakah ciri keselamatan StarCard?

Bebas mengendalikan perbelanjaan anda dengan ciri keselamatan terkini StarCard yang membolehkan anda menetapkan had transaksi pada kad atau mana-mana kenderaan yang ditetapkan, nyatakan produk yang hendak dibeli dan tempat untuk mengisi minyak. Anda juga boleh memantau penggunaan melalui Aplikasi StarCard Mudah Alih Dalam Talian (StarCard Online Mobile App)

Adakah saya perlu membayar sebarang yuran untuk mendapatkan StarCard?

Memohon StarCard secara dalam talian adalah PERCUMA!

Berapa banyak kad yang boleh saya mohon untuk syarikat?

Sebanyak mana kad yang anda mahu.

Adakah StarCard dalam bentuk kad fizikal atau kad maya dalam Aplikasi?

Anda akan menerima kad StarCard fizikal selepas permohonan anda diluluskan. Untuk menyelesaikan transaksi di stesen minyak Caltex, anda hanya perlu meleret kad anda di terminal pembayaran luar atau tunjukkan kad fizikal anda kepada kakitangan stesen minyak.

Di manakah saya boleh mengisi minyak?

Anda boleh mengisi minyak di mana sahaja terdapat stesen minyak Caltex.

MENGENAI PERMOHONAN STARCARD

Berapa lamakah proses permohonan dalam talian StarCard?

Sila sediakan dokumen anda dalam salinan imbasan dan lengkapkan permohonan secara dalam talian dalam masa 15 minit sahaja!

Apakah dokumen yang perlu saya sediakan?

Dokumen asas termasuk salinan imbasan dokumen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, penyata cukai pendapatan/penyata kewangan beraudit syarikat anda (2 tahun lepas), penyata bank syarikat (3 bulan lepas) dan slip pembayaran pendahuluan (untuk StarCard Debit).

Bagaimanakah cara saya menandatangani borang permohonan dalam talian?

Anda tidak perlu menandatangani apa-apa untuk menyerahkan borang permohonan dalam talian StarCard ini. Walau bagaimanapun, kami memerlukan maklumat penandatanganan yang dibenarkan sebelum permohonan boleh diserahkan.

Saya telah menghantar permohonan secara dalam talian. Apakah langkah seterusnya?

Anda akan menerima pemberitahuan melalui e-mel setelah anda berjaya menghantar permohonan dalam talian.

Bilakah permohonan saya akan diluluskan dan bilakah saya boleh menerima StarCard saya?

Sila berikan tempoh 10 hari bekerja untuk pemprosesan dan anda boleh mendapatkan StarCard anda dalam masa 3 minggu.

Sila ambil perhatian bahawa permohonan yang tidak disokong dengan dokumen yang diperlukan atau dengan maklumat yang tidak lengkap akan menyebabkan kelewatan dalam pemprosesan.

Adakah saya masih boleh mengedit butiran kad selepas penyerahan?

Ya, anda boleh. Hubungi kami untuk membolehkan kami membantu anda.

TENTANG PEMBAYARAN

Bagaimanakah saya boleh menyelesaikan pembayaran bil saya?

Anda boleh menyelesaikan pembayaran bil anda dengan menggunakan JomPay atau perbankan dalam talian.

Bilakah saya perlu menjelaskan bayaran minyak?

Dengan kelulusan had kredit yang ditetapkan untuk akaun StarCard anda, pemandu tidak perlu lagi membayar wang tunai pendahuluan semasa mengisi minyak di stesen minyak Caltex. Anda boleh menikmati tempoh pembayaran balik sehingga 30 hari dan menyelesaikan bayaran bulanan mengikut tarikh akhir pembayaran yang ditetapkan.

Sebarang caj pembayaran lewat?

Yuran pentadbiran sebanyak 1.5% daripada jumlah tertunggak akan dikenakan atas pembayaran lewat.

LAIN-LAIN

Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya StarCard saya telah hilang?

Bagi melaporkan kehilangan kad anda, sila hubungi Ambank Authorization Centre di 03-2167 7800.

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya telah menukar butiran kenderaan atau bukan lagi pemilik kenderaan?

Jika anda ingin mengemas kini maklumat akaun StarCard atau membatalkan StarCard anda, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1800 88 3168 dari Isnin sehingga Jumaat (9pg – 5ptg) kecuali pada cuti umum.

Sebarang tarikh luput untuk StarCard?

StarCard anda akan diperbaharui secara automatik setiap 4 tahun. StarCard yang tidak aktif selama lebih daripada 12 bulan tidak akan diperbaharui.